

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR,
PERASMIAN "33 YEARS AFTER....." SATU PAMERAN LUKISAN
15 OGOS 1991

Kekanda Datuk Paduka Hajah Saleha Bt. Hj. Mohd Ali yang dikasihi;
Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk melakukan acara perasmian pameran "33 Years After....." satu Pameran Lukisan di majlis yang berbahagia ini.

2. Malaysia kini semakin terkenal sebagai sebuah pusat perniagaan dan perindustrian dan mempunyai system pengangkutan dan perhubungan yang baik. Dalam arus pembangunan yang sedang pesat ini, adalah tidak wajar andainya warisan budaya seni kita diabaikan. Dalam perkara ini usaha pihak yang terlibat menganjurkan pameran seperti ini sangatlah menggalakkan. Saya percaya pameran-pameran seperti ini jika diadakan dengan lebih kerap lagi akan dapat memberi perangsang dan semangat kepada artis-artis tanahair yang berbakat untuk terus menyumbangkan karya-karya yang bermutu seperti mana yang dapat kita saksikan hari ini.

3. Dalam usaha untuk membangunkan seni tempatan, badan-badan swasta, jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun saya harap akan sama-sama memainkan peranan masing-masing. Umpamanya dengan menganjurkan pameran-pameran seni dan membeli koleksi-koleksi artis tempatan untuk bangunan-bangunan awam, hospital-hospital, lapangan terbang, perpustakaan awam dan pejabat-pejabat swasta dan sebagainya. Ini akan dengan secara tidak langsung mengembangkan lagi budaya seni di Malaysia, yang mana seperti kita telah sedia maklum kaya dengan berbagai kaum dan seni tempatan yang unik. Apa yang lebih penting ialah ia akan dapat mengekalkan identiti kebangsaan kita yang kita semua sama-sama banggakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Saya berasa bangga kerana sudah ada pelukis-pelukis Malaysia yang semakin terkenal di luar negeri. Kita telah mendengar pameran-pameran lukisan yang diadakan secara solo di beberapa buah negara barat termasuk yang akhir-akhir ini yang telah diadakan di negara Chile di Amerika Selatan. Saya mendengar khabar bahawa pameran-pameran yang diadakan begini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk-penduduk tempatan negara berkenaan. Jadi para artis selain daripada mengembang dan mengekalkan seni dan budaya bangsa melalui karya-karya mereka juga boleh memperkenalkan Malaysia dengan budaya serta cara hidup kita yang unik kepada masyarakat antarabangsa. Saya berharap lebih ramai lagi para artis berani mengadakan pameran-pameran di luar negeri pada masa-masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Saya sekali lagi ingin menyeru agar kita dan badan-badan swasta, jabatan kerajaan mahupun badan berkanun; marilah sama-sama memberikan sokongan dan dorongan kepada artis-artis tanahair kita supaya mereka dapat perangsang untuk menghasilkan karya-karya yang lebih bermutu dan terkenal di peringkat antarabangsa di samping membangunkan budaya seni di Malaysia sendiri.
6. Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya merasmikan pameran "33 Years After" ini.